

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 23 TAHUN 2005

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PENGUASA PENJARA,
PENOLONG PENGUASA PENJARA DAN PEGAWAI PENJARA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengubah skim-skim perkhidmatan Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim-skim perkhidmatan Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara diubah selaras dengan perubahan tugas dan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi pengurusan organisasi serta meningkatkan mutu perkhidmatan penjara sejajar dengan aspirasi rakyat dan negara masa kini. Selaras dengan keputusan tersebut, perbekalan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan diubah sewajarnya.

SKIM PERKHIDMATAN PENGUASA PENJARA, PENOLONG PENGUASA PENJARA DAN PEGAWAI PENJARA

3. Skim perkhidmatan Penguasa Penjara yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 diubah mengikut gred-gred awam dalam Sistem Saraan Malaysia iaitu daripada Gred KX41, KX42, KX48, KX50 dan KX54 kepada Gred KX41, KX44, KX48, KX52 dan KX54.
4. Skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 dan KX32 diubah Jadual Gaji Matriksnya ke Jadual Gaji Matriks yang baru.
5. Skim perkhidmatan Pegawai Penjara Gred KX11, KX14, KX18, KX22, KX24 diubah kepada Gred KX17, KX20, KX22, KX24, KX26 dan syarat lantikan ialah Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
6. Skim-skim perkhidmatan Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara yang baru adalah seperti di **Lampiran A, A1** dan **A2** dan iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B, B1** dan **B2**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7, C8, C9, C10** dan **C11**. Penguraian tugas adalah seperti di **Lampiran D, D1** dan **D2**. Pindaan perbekalan kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) bagi skim perkhidmatan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran I**.

PELAKSANAAN

7. Semua pegawai dalam skim-skim perkhidmatan Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara yang baru mengikut gred-gred seperti berikut:

(a) Skim Perkhidmatan Penguasa Penjara

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penguasa Penjara, pertukaran pelantikan adalah seperti berikut:

- (i) Penguasa Penjara Gred KX54 ke Penguasa Penjara Gred KX54;
- (ii) Penguasa Penjara Gred KX50 ke Penguasa Penjara Gred KX52;
- (iii) Penguasa Penjara Gred KX48 ke Penguasa Penjara Gred KX48;
- (iv) Penguasa Penjara Gred KX42 ke Penguasa Penjara Gred KX44; dan
- (v) Penguasa Penjara Gred KX41 ke Penguasa Penjara Gred KX41.

(b) Skim Perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara, pertukaran pelantikan adalah seperti berikut:

- (i) Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 ke Penolong Penguasa Penjara Gred KX32; dan
- (ii) Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 ke Penolong Penguasa Penjara Gred KX27.

(c) Skim Perkhidmatan Pegawai Penjara

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penjara, pertukaran pelantikan adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai Penjara Gred KX24 ke Pegawai Penjara Gred KX26;
- (ii) Pegawai Penjara Gred KX22 ke Pegawai Penjara Gred KX24;
- (iii) Pegawai Penjara Gred KX18 ke Pegawai Penjara Gred KX22;
- (iv) Pegawai Penjara Gred KX14 ke Pegawai Penjara Gred KX20;
- (v) Pegawai Penjara Gred KX11 berkelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ke Pegawai Penjara Gred KX17;
- (vi) Pegawai Penjara Gred KX11 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya tetapi telah berkhidmat lebih enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Pegawai Penjara Gred KX17; dan
- (vii) Pegawai Penjara Gred KX11 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pegawai Penjara Gred KX17 sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan

SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap enam (6) tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap di skim perkhidmatan Pegawai Penjara tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji. Pegawai akan kekal di dalam gred asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat tersebut. Jadual Gaji Matriks mereka adalah seperti di **Lampiran H**.

8. Ketua jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru di bawah skim-skim perkhidmatan Penguin Penjara Gred KX44, KX52 dan Pegawai Penjara Gred KX17, KX20, KX22, KX24, KX26 secara tukar ganti dengan jawatan-jawatan dalam skim-skim perkhidmatan Penguin Penjara Gred KX42, KX50 dan Pegawai Penjara Gred KX11, KX14, KX18, KX22, KX24 yang asal.

PEMBERIAN OPSYEN

9. Dengan berkuatkuasanya skim-skim perkhidmatan Penguin Penjara, Penolong Penguin Penjara dan Pegawai Penjara yang baru ini, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Penguin Penjara Gred KX41, KX44, KX48, KX52, KX54, Penolong Penguin Penjara Gred KX27, KX32 dan Pegawai Penjara Gred KX17, KX20, KX22, KX24, KX26 yang baru. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

10. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan

bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

11. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih Sistem Saraan Malaysia.

12. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Pegawai yang sedang dalam tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

15. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2, E3, E4, E5, E6, E7 dan E8**.

16. Pegawai Penjara Gred KX11 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum memenuhi syarat tempoh berkhidmat genap enam (6) tahun pada tarikh pertukaran pelantikan hendaklah diberi

opsyen dengan menggunakan borang opsyen khas seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

17. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/ kontrak/ sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Penguasa Penjara

18. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Penguasa Penjara sekarang ke skim perkhidmatan Penguasa Penjara yang baru ditetapkan seperti berikut:

- (a) Penguasa Penjara Gred KX54 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KX54 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (b) Penguasa Penjara Gred KX50 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KX52 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2);
- (c) Penguasa Penjara Gred KX48 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KX48 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji

mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (d) Penguasa Penjara Gred KX42 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KX44 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2);
- (e) Penguasa Penjara Gred KX41 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KX41 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan; dan
- (f) Penguasa Penjara Gred KX41 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred KX41 baru.

Penolong Penguasa Penjara

19. Kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara sekarang ke skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang baru ditetapkan seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KX32 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (b) Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KX27 baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan; dan
- (c) Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred KX27 baru.

Pegawai Penjara

20. Kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Penjara sekarang ke skim perkhidmatan Pegawai Penjara yang baru ditetapkan seperti berikut:

- (a) Pegawai Penjara Gred KX24 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KX26 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan

Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2);

- (b) Pegawai Penjara Gred KX22 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KX24 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2);
- (c) Pegawai Penjara Gred KX18 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KX22 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2);
- (d) Pegawai Penjara Gred KX14 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KX20 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2);
- (e) Pegawai Penjara Gred KX11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KX17 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) jika

matagaji di Peringkat 2 (P2) tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (f) Pegawai Penjara Gred KX11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KX17 baru;
- (g) Pegawai Penjara Gred KX11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya tetapi telah berkhidmat genap enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KX17 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;
- (h) Pegawai Penjara Gred KX11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan, tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya tetapi telah berkhidmat lebih enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KX17 baru; dan
- (i) Pegawai Penjara Gred KX11 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum lebih enam (6) tahun perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred asal skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Gred KX17 yang baru sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf

dengannya ataupun genap enam (6) tahun perkhidmatan.

21. Jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di perenggan **18, 19** dan **20** di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon dari Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

22. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran G, G1, G2, G3, G4, G5, G6, G7** dan **G8**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

23. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Julai 2005 atau 1 Oktober 2005 hendaklah diberi di jawatan asal pada 1 Julai 2005 sebelum diselaraskan ke jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat kelayakan atau tempoh perkhidmatan yang ditetapkan di perenggan **20(i)** di atas.

24. Bagi pegawai di perenggan **20(i)** di atas, pergerakan gaji tahunannya hendaklah diberi di jawatan asal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahunan masing-masing.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

25. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Julai tahun berikutnya. TPG bagi pegawai yang belum layak untuk ditukar lantik ke gred yang ditetapkan adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pegawai tersebut layak ditukar lantik. TPG baru ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

26. Pelaksanaan skim-skim perkhidmatan Pengusa Penjara, Penolong Pengusa Penjara dan Pegawai Penjara yang baru tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim-skim perkhidmatan Pengusa Penjara, Penolong Pengusa Penjara dan Pegawai Penjara yang baru.

27. Berikut dengan perubahan skim-skim perkhidmatan Pengusa Penjara dan Pegawai Penjara, pelaksanaan pemberian Imbuhan Tetap Keraian dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam bagi skim-skim perkhidmatan Pengusa Penjara, Penolong Pengusa Penjara dan Pegawai Penjara yang baru adalah seperti berikut:

(a) Imbuhan Tetap Keraian

Bil.	Gred Baru	Kadar Baru (RM) Sebulan
i.	KX54	800.00
ii.	KX52	600.00
iii.	KX48	550.00
iv.	KX44	400.00

(b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam

Bil.	Gred Baru	Kadar Baru (RM) Sebulan
i.	KX41	300.00*
		170.00
ii.	KX32	115.00
iii.	KX27	115.00
iv.	KX26	100.00

Bil.	Gred Baru	Kadar Baru (RM) Sebulan
v.	KX24	80.00
vi.	KX22	80.00
vii.	KX20	80.00
viii.	KX17	80.00

* Kadar ITKA RM300.00 sebulan diberi kepada pegawai yang berkhidmat pada tahun ke 10 dan ke atas dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh perkhidmatan yang diambilkira tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

28. Pegawai Penjara Gred KX11 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum genap enam (6) tahun perkhidmatan yang dikekalkan secara KUP di gred asal skim perkhidmatan sedia ada dibayar Imbuhan Tetap Khidmat Awam sebanyak RM65.00 sebulan. Pegawai akan dibayar Imbuhan Tetap Khidmat Awam sebanyak RM80.00 sebulan mulai daripada tarikh pegawai ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

29. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada ketua jabatan/ perkhidmatan.

(b) Ketua Jabatan

- (i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk kelulusan;
- (ii) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen serta implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) menyampaikan opsyen khas kepada pegawai yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan Pegawai Penjara yang baru dengan menggunakan borang opsyen khas;
- (iv) mengemas kini kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat; dan
- (v) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.

(c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan

- (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.


TARIKH KUAT KUASA

30. Skim-skim perkhidmatan Pengusa Penjara, Penolong Pengusa Penjara dan Pegawai Penjara yang baru ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2005**.

PEMBATALAN

31. Dengan berkuatkuasanya skim-skim perkhidmatan ini, maka skim-skim perkhidmatan Pengusa Penjara, Penolong Pengusa Penjara dan Pegawai Penjara yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan kecuali bagi menampung pegawai yang tidak menerima tawaran opsyen di bawah urusan ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(**DATO' ISMAIL ADAM**)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

15 September 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
Ketua Pengarah Penjara
Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGUASA PENJARA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM

**KUMPULAN
PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2005

Gred **Jadual Gaji Matriks**

KX41	:	P1T1	RM 1480.70	-	P1T27	RM 4077.36
		P2T1	RM 1564.19	-	P2T27	RM 4320.57
		P3T1	RM 1651.31	-	P3T27	RM 4584.35
KX44	:	P1T1	RM 2625.36	-	P1T14	RM 4339.93
		P2T1	RM 2904.87	-	P2T14	RM 4761.01
KX48	:	P1T1	RM 3814.79	-	P1T8	RM 5059.88
		P2T1	RM 4192.31	-	P2T8	RM 5539.04
KX52	:	P1T1	RM 4291.53	-	P1T8	RM 5536.62
		P2T1	RM 4669.05	-	P2T8	RM 6015.78
KX54	:	P1T1	RM 4526.27	-	P1T8	RM 5894.78
		P2T1	RM 4926.78	-	P2T8	RM 6434.44

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KX41 : P1T1); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX41 : P1T3);

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan

- 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
 - (ii) lulus peperiksaan khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KX41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
 4. Penguasa Penjara Gred KX41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
 5. Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
 6. Penguasa Penjara Gred KX41 dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pengguna Penjara Gred KX41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- memenuhi tempoh percubaan;
 - hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pengguna Penjara hendaklah melepas penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX44**

10. Pengguna Penjara Gred KX41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Pengguna Penjara Gred KX44 yang kosong apabila telah:
- disahkan dalam perkhidmatan;
 - mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX48**

11. Pengguna Penjara Gred KX44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Pengguna Penjara Gred KX48 yang kosong apabila telah:
- mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX52**

12. Pengguna Penjara Gred KX48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengguna Penjara Gred KX52 yang kosong apabila telah:
- mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX54**

13. Penguasa Penjara Gred KX52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI**

14. Penguasa Penjara Gred KX54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2 (3)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA PENJARA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM

KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks				
KX27	P1T1	RM 972.11	-	P1T26	RM 2436.21
	P2T1	RM 1027.77	-	P2T26	RM 2586.25
	P3T1	RM 1085.85	-	P3T26	RM 2741.13
KX32	P1T1	RM 1962.50	-	P1T10	RM 2855.48
	P2T1	RM 2171.83	-	P2T10	RM 3130.15

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27 : P1T1); atau
(ii) diploma dalam pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27 : P1T5);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Penjara adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
 - (ii) lulus peperiksaan khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KX27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang dilantik secara terus atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI /
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX32**

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGUASA PENJARA**

- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
9. Penolong Penguasa Penjara hendaklah melepas penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
10. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
11. Penolong Penguasa Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang bagi Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2 (3)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENJARA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM

**KUMPULAN
PERKHIDMATAN** : SOKONGAN

TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks				
KX17	P1T1	RM662.35	-	P1T24	RM1741.67
	P2T1	RM704.70	-	P2T24	RM1838.47
	P3T1	RM748.26	-	P3T24	RM1938.90
KX20	P1T1	RM806.34	-	P1T18	RM1937.69
	P2T1	RM 946.70	-	P2T18	RM2160.33
KX22	P1T1	RM1545.65	-	P1T10	RM2144.60
	P2T1	RM1686.01	-	P2T10	RM2328.52
KX24	P1T1	RM1604.00	-	P1T12	RM2336.05
	P2T1	RM1744.36	-	P2T12	RM2529.65
KX26	P1T1	RM1771.92	-	P1T9	RM2410.80
	P2T1	RM1942.53	-	P2T9	RM2639.49

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX17 : P1T1);

 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KX17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkusa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pegawai Penjara Gred KX17 yang dilantik secara terus atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pegawai Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI /
PEPERIKSAAN**

5. Pegawai Penjara Gred KX17 dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pegawai Penjara Gred KX17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakuan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pegawai Penjara hendaklah melepas penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX20**

9. Pegawai Penjara Gred KX17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Pegawai Penjara Gred KX20 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepassi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX22**
10. Pegawai Penjara Gred KX20 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Pegawai Penjara Gred KX22 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepassi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX24**
11. Pegawai Penjara Gred KX22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Pegawai Penjara Gred KX24 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepassi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX26**
12. Pegawai Penjara Gred KX24 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Pegawai Penjara Gred KX26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepassi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PENGUASA PENJARA**
13. Pegawai Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang bagi Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2 (3)].

Lampiran B

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penguasa Penjara
(b) Kementerian/Jabatan : Jabatan Penjara Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Keselamatan dan Pertahanan Awam
2. Jadual Gaji : Jadual Gaji Matriks

Gred KX41	:	P1T1 RM 1480.70	-	P1T27 RM 4077.36
		P2T1 RM 1564.19	-	P2T27 RM 4320.57
		P3T1 RM 1651.31	-	P3T27 RM 4584.35
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KX41 : P1T1); atau
(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KX41 : P1T3);

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
